

## Analisis Kes Amalan Hibah Bersyarat di Malaysia Case Analysis on the Practice of Conditional Hibah in Malaysia

NURUL SYAHIRAH OTHMAN  
NOOR LIZZA MOHAMED SAID  
MOHD ZAMRO MUDA  
NASRUL HISYAM NOR MUHAMAD

### ABSTRAK

*Hibah menjadi satu daripada instrumen pilihan masyarakat Islam di Malaysia dalam perancangan harta. Produk hibah bersyarat telah dikomersialkan oleh institusi-institusi berkaitan seperti Amanah Raya Berhad (ARB), Wasiyyah Shoppe Berhad, as-Salihin Trustee Berhad, CIMB, Tabung Haji, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Prudential BSN Takaful Berhad. Terdapat kes-kes hibah bersyarat telah diputuskan oleh Mahkamah berpandukan kitab-kitab fikah kerana setakat ini tiada lagi enakmen khusus berkaitan hibah dikanunkan di Negara ini. Justeru, disebabkan wujud kepelbagaian pandangan fuqaha' dalam pelaksanaan hibah bersyarat, lalu wujud kepelbagaian keputusan hakim syarie ke atas kes-kes hibah bersyarat. Artikel ini bertujuan untuk melihat amalan hibah bersyarat di Malaysia melalui data-data laporan kes hibah bersyarat yang telah diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah. Kajian ini sebagai langkah signifikan kepada persoalan mengenai amalan hibah bersyarat di Malaysia. Seterusnya data tersebut dianalisis berdasarkan pandangan fuqaha' dan hujah-hujah mereka. Pandangan dan ulasan hakim turut diberi pertimbangan bagi mengetahui kecenderungan mereka dalam menerima hibah bersyarat. Hasil kajian mendapati terdapat hakim-hakim syarie yang menerima hibah bersyarat berdasarkan kesahan kes hibah yang telah diputuskan.*

*Kata kunci: Hibah bersyarat; enakmen; Mahkamah Tinggi Syariah; fuqaha'*

### ABSTRACT

*Hibah is becoming one of the instrument chosen by Muslim society in Malaysia in property planning. The product of conditional hibah has been commercialized by related institutions such as Amanah Raya Berhad (ARB), Wasiyyah Shoppe Berhad, as-Salihin Trustee Berhad, CIMB, Tabung Haji, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) and Prudential BSN Takaful Berhad. There are cases of conditional hibah that have been decided by the court based on the books of Islamic jurisprudence due to lack of codification of specific enactment related to hibah in this country. Thus, the existence of various opinion from the Islamic jurists in enforcement of conditional hibah has resulted in inconsistency of Shariah judges decision upon the cases of conditional hibah. This article aims to observe the practice of conditional hibah in Malaysia through data from reported cases of conditional hibah as decided at the Shariah High Court. This study has significant step to issue of the practice of conditional hibah in Malaysia. Furthermore the data is analised based on the opinion and argumentation of Islamic jurists. The judges opinion and comments will be considered in order to know the client's preferences that accept the conditional hibah. The research outcomes discover that there are some of the Shariah judges that accepted the conditional hibah based on validity of the hibah decided.*

*Keywords: Conditional hibah; enactment; Shariah High Court; fuqaha'*

### PENGENALAN

Pemberian hibah dilihat dapat membantu mengurangkan masalah kelewatan menyelesaikan tuntutan harta pusaka peninggalan si mati. Hibah dilihat sebagai satu alternatif pengurusan harta yang boleh memupuk kasih sayang dan mencegah permusuhan. Pendapat ini disokong oleh Pengarah Seksyen Pembangunan Pusaka, Abdullah Muhammad yang mencadangkan supaya masyarakat yang terlalu

jumud dengan pembahagian harta konvensional sebaliknya menggunakan kaedah hibah (Rusnadewi & Nor Hisyam 2013). Sifat hibah yang berkuatkuasa serta merta tidak memerlukan proses yang rumit kerana ia dilaksanakan semasa pemberi masih hidup. Kes hibah akan diputuskan sebagai sah sekiranya memenuhi rukun hibah yang ditetapkan oleh jumah *fuqaha'*. Rukun hibah, iaitu pemberi hibah, penerima hibah, barang yang dihibah dan *sighah* (*ijab* dan *qabul*) adalah perkara yang dititikberatkan. Terdapat

juga beberapa negeri yang memasukkan *qabd* sebagai aspek yang perlu ada bagi memastikan hibah berkuatkuasa. Hibah bersyarat telah banyak diguna pakai dalam aplikasi hibah di Malaysia, sedangkan syarat-syarat *sighah* yang dikemukakan oleh jumhur *fuqaha* mesti tidak dikenakan syarat-syarat tertentu atau tidak disyaratkan dengan tempoh-tempoh tertentu selain menitikberatkan adanya persambungan dan persamaan antara *ijab* dan *qabul*. Kajian ini mengemukakan konsep hibah bersyarat dengan mengambil kira pandangan *fuqaha* yang menerima atau menolak sesuatu jenis hibah bersyarat daripada empat mazhab, iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali. Kemudian, kes-kes hibah dengan syarat yang telah diputuskan di Mahkamah turut dikemukakan, di samping asas pegangan Hakim Syarie ketika membuat keputusan.

#### DEFINISI HIBAH BERSYARAT

Hibah yang menggunakan *sighah* secara *idafah*, *tawqit* dan *ta'liq* dikategorikan sebagai hibah bersyarat (Tyabji 1949). Hibah juga boleh dilakukan dengan bentuk *taqyid*, iaitu akad hibah yang bergantung dengan syarat. Hibah dengan syarat dibahagikan kepada hibah dengan syarat *'umra*, hibah dengan syarat *ruqba* dan hibah dengan syarat balasan. Pemberian hibah secara *ruqba* bermaksud pemberian hibah daripada seseorang kepada seseorang yang lain, kemudian harta tersebut dikembalikan kepada pihak yang masih hidup setelah satu satu pihak meninggal dunia (Ibn Manzur t.th.). Imam Abu Hanifah turut memberi definisi yang hampir serupa dengan menyatakan konsep hibah *ruqba* dikaitkan dengan kematian pemberi hibah dengan menyatakan *ruqba* ialah pemberian hak milik harta kepada orang lain setelah kematian pemberi hibah (Haydar t.th.). Terdapat juga pendefinisian yang membenarkan hibah dengan syarat *ruqba* kerana pemberian ini dianggap pemberian secara manfaat dan bukan pemberian korpus harta seperti yang dinyatakan oleh Abu Yūsuf (al-Kāsāni 2000). Mazhab Shafi'i dan Hanbali pula meletakkan pemberian secara *ruqba* ialah pemberian korpus harta tetapi dengan meletakkan syarat *ruju* sekiranya penerima hibah meninggal terlebih dahulu.

Hibah *'umra* pula ialah satu pemberian yang bersifat sementara dengan mensyaratkan supaya hibah tersebut diberikan kepada pihak yang masih hidup sekiranya terdapat satu daripada pihak yang meninggal dunia. Hibah jenis ini diistilahkan sebagai *'umra* kerana konsep hibah ini yang dikaitkan dengan

umur seseorang (Ibn Qudamah t.th.). Hibah *'umra* tidak diberi takrifan syarak yang khusus sebaliknya mengguna pakai makna yang sama dari sudut bahasa. Hibah *'umra* lebih jelas sekiranya digambarkan dalam bentuk lafaz *sighah* (Nasrul Hisyam 2011). Namun Mazhab Maliki mendefinisikan *'umra* sebagai pemberian manfaat bagi sesuatu harta dengan meletakkan tempoh umur penerima atau umur pemberi hibah. Oleh itu, hibah *'umra* dilihat sebagai pemberian manfaat dan bukan pemberian korpus harta. Ini bermakna pemberian tersebut secara pinjaman manfaat sahaja.

Hibah dengan syarat balasan bermaksud bahawa pemberian hibah yang dilakukan oleh pemberi hibah dilakukan dengan syarat penerima hibah membalas pemberian tersebut. Ini berdasarkan pendefinisian oleh al-Zuhayli (1989) yang menyatakan hibah dengan syarat balasan ialah pemberian hak milik harta tetapi mensyaratkan balasan daripada pemberian tersebut. Oleh itu, dapat dirumuskan hibah ialah satu akad pemberian hak milik harta semasa hidup secara percuma atau dengan balasan yang tidak menafikan hakikat *tabarru* dalam pemberian tersebut.

#### HIBAH BERSYARAT MENURUT PANDANGAN *FUQAHA*

Hukum hibah yang dikaitkan dengan syarat ini tidak tetap kerana hukum tersebut bergantung kepada status syarat yang ditetapkan, sama ada harus atau *fasid* (Nasrul Hisyam 2011). Syarat yang dikenakan hendaklah tidak menafikan hakikat makna hibah, iaitu pemberian hak milik harta secara sukarela. Perletakkan syarat yang menghalang penerima hibah melakukan sebarang transaksi ke atas harta yang dihibahkan seperti larangan menjual, mewakaf atau menghibahkan harta yang dihibah kepada orang lain dihukumkan oleh *fuqaha* bahawa syarat tersebut terbatal (Noor Lizza, Mohd Ridzuan & Amir Husin 2012). Begitu juga syarat yang dianggap mustahil berlaku seperti pemberian hibah dengan syarat terbang ke langit tanpa menggunakan sebarang alat. Syarat yang tidak selari dengan etika dan undang-undang juga tidak sah seperti suami menghibahkan hartanya kepada bekas isteri yang telah diceraikan dengan syarat bekas isterinya itu tidak boleh berkahwin sepanjang hayatnya atau seseorang menghibahkan hartanya kepada seorang wanita dengan syarat wanita tersebut melakukan zina dengan pemberi hibah. Dalam hal ini, hibah yang diberikan adalah sah, namun syaratnya terbatal (al-Sharbini t.th.).

Hibah mutlak yang memenuhi rukun dan syarat hibah akan memberi kesan pemindahan harta kepada penerima hibah secara serta merta, kekal dan tidak dihadkan tempoh serta menghilangkan hak milik penghibah terhadap *'ayn* dan manfaat harta hibah tersebut. Namun begitu, perletakan syarat yang rosak akan menyebabkan syarat tersebut batal. Terdapat beberapa bentuk hibah bersyarat, iaitu hibah berbentuk *idafah*, *tawqit* dan *ta'liq*. Selain itu, hibah yang diletakkan syarat *'umra*, *ruqba* dan syarat gantian juga dimasukkan dalam kategori ini.

#### HIBAH BERBENTUK *IDAFAH*, *TAWQIT* DAN *TA'LIQ*

Hibah *idafah* ialah hibah yang disyaratkan untuk tidak dikuat kuasa serta merta, sebaliknya hanya berkuat kuasa pada masa akan datang. Sebagai contoh: "Saya hibahkan kamu barang ini pada awal bulan hadapan". Hibah jenis ini tidak sah kerana bertentangan dengan sifat akad hibah yang memberi pemilikan secara serta merta selepas akad dan *qabd*. Kemasukan syarat yang rosak tidak menjejaskan kesahan akad hibah kerana hibah tersebut dilakukan secara sukarela (Perkara 83, *Majallah al-Ahkam al-'Adiliyyah*).

Hibah yang berbentuk *tawqit* ialah dengan cara menetapkan tempoh tertentu untuk pemilikan harta hibah. Sebagai contoh: "Saya hibahkan kereta ini pada awak untuk setahun". Penetapan tempoh ini tidak sah kerana hibah merupakan akad pindah milik selamalamanya oleh penghibah kepada penerima hibah. Tetapi sekiranya akad hibah tersebut disertai dengan pemberian manfaat, akad tersebut akan bertukar menjadi akad pinjaman (al-Bahuti 1982). Hibah jenis ini seolah-olah berlaku penarikan balik hibah yang telah diberikan kerana menetapkan tempoh untuk pemilikan hibah. Namun hibah yang sudah *diqabd* tidak boleh ditarik balik (Noor Lizza et al. 2013).

Hibah berbentuk *ta'liq* ialah dengan meletakkan syarat yang dikaitkan dengan berlakunya sesuatu perkara dalam akad, kemudian barulah akad hibah akan berkuat kuasa. Sebagai contoh: "Jika Ahmad datang, saya hibahkan pada awak rumah ini". Dalam syarat *ta'liq* ini sekiranya perkara yang ditentukan itu tidak berlaku, hibah tersebut akan terbatal dengan sendiri. Sebaliknya sekiranya perkara yang *dita'liqkan* tersebut berlaku pada waktu akad, hibah tersebut menjadi sah (al-Khafif 1996). Perkara *ta'liq* tersebut mestilah perkara yang berkemungkinan berlaku dan berkemungkinan tidak berlaku. Syarat *ta'liq* ini tidak dibenarkan kerana seolah-olah menyerupai sifat perjudian atas perkara yang tidak wujud dalam akad. Malah pemberian hibah dengan syarat *ta'liq* ini memperlihatkan seolah-olah pemberi hibah tidak benar-

benar rela untuk memberikan hibah kepada penerima hibah (Abu Zahrah 1996).

#### HIBAH *'UMRA*

Jumhur *fuqaha'* berpendapat akad hibah adalah sah dan terpakai namun syarat *'umra* (yang dikaitkan dengan umur atau tempoh) adalah terbatal. Oleh itu, apabila berlaku sesuatu akad hibah dengan syarat *'umra*, harta yang dihibahkan tersebut akan menjadi hak milik penerima hibah serta waris-warisnya tanpa terikat dengan waktu. Pendapat ini merupakan pendapat Mazhab Shafi'i, Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali (Ibn Qudamah t.th.; Ibn Hazm t.th.). Mazhab Shafi'i dan mazhab Hanbali berhujah bahawa syarat *'umra* yang dikaitkan tersebut adalah sia-sia dan tidak membawa sebarang nilai (al-Jaziri 2003; Ibn Qudamah t.th.). Hujah ini disandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA dan Jabir RA, yang mafhumnya: "*'Umra* itu diharuskan" (al-Bukhari, 2002, *Kitab al-Hibah wa Fadluha wa al-Tahrid 'Alayha*, Bab *Ma qila fi al-'umra wa al-ruqba*; al-Bayhaqi, 2003, *Kitab al-Hibat*, bab *al-'umra*). Hadis yang diriwayatkan oleh Jabir ibn 'Abd Allah, yang mafhumnya: "Rasulullah SAW menyatakan bahawa *'umra* adalah milik orang yang diberikan kepadanya" (al-Bukhari, 2002, *Kitab al-Hibah wa Fadluha wa al-Tahrid 'Alayha*). Berdasarkan hadis-hadis tersebut, *fuqaha'* berpegang bahawa hibah dengan syarat *'umra* boleh dilakukan, namun syarat *'umra* tersebut tidak terpakai. Ini kerana hak pemilikan setelah akad hibah berlaku diberikan kepada penerima hibah dan waris-warisnya tanpa perlu dikembalikan kepada pemberi hibah seperti syarat yang diletakkan.

Imam Malik dan al-Layth pula berpendapat akad hibah dan syarat *'umra* adalah harus dan sah. Ini kerana hibah *'umra* berkuat kuasa sepanjang hayat penerima hibah, harta yang dihibah hanya akan kembali kepada pemberi hibah setelah penerima hibah meninggal dunia (Ibn Qudamah t.th.; Ibn Hazm t.th.). Mereka telah berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA dan Jabir RA sebagaimana kupasan di atas dalam penulisan ini. Berdasarkan hadis ini, Imam Malik berpendapat hibah dengan syarat *'umra* sah dan boleh dilaksanakan. Setelah kematian penerima hibah, waris penerima hibah perlu mengembalikan harta hibah kepada pemberi hibah atau waris pemberi hibah yang masih hidup.

HIBAH *RUQBA*

Hibah dengan syarat *ruqba* mempunyai persamaan dengan hibah dengan syarat *'umra* kerana berkait dengan tempoh waktu, tetapi *ruqba* ialah menunggu waktu kematian satu pihak, manakala *'umra* pula berkaitan dengan sepanjang hayat umur pemberi atau penerima hibah sebagai ukuran tempoh penerima hibah boleh menggunakan harta hibah. Hibah dengan syarat *ruqba* didefinisikan sebagai pemberian hak milik sesuatu harta kepada orang lain selepas berlaku kematian (Haydar t.th.). *Qawl jadid* Imam Shafi'i dan mazhab Hanbali berpandangan hukum hibah *ruqba* ialah sama seperti hukum hibah *'umra*. Akad hibah *ruqba* adalah sah, namun syarat *ruqba* tersebut tidak diterima pakai (Ibn Qudamah t.th.). Harta yang dihibahkan dengan syarat *ruqba* akan terus menjadi milik penerima hibah dan dianggap sebagai harta pusaka setelah kematian penerima hibah tersebut. Al-Zuhri turut menyatakan hibah dengan syarat *ruqba* sah diguna pakai sebagai wasiat, dan hukum wasiat adalah terpakai ke atas hibah dengan syarat *ruqba* (Ibn Qudamah t.th.). Pendapat ini bersandarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas RA, yang mafhumnya: "Janganlah kamu melakukan *ruqba*, sesiapa yang melakukan *ruqba* terhadap sesuatu, ia membuka jalan perwarisan" (al-Nasa'i 1998, *Kitab al-'Umra*, no. hadis 3710).

*Fuqaha'* berpandangan syarat *ruqba* tidak boleh diletakkan bersama akad hibah dan dihukumkan batal. Hadis ini memberi hujah bahawa syarat *ruqba* akan terbatal sebaliknya hibah berlaku sebaik sahaja rukun-rukun hibah telah lengkap. *Qawl qadim* Imam Shafi'i, Imam Malik, Abu Hanifah, al-Hassan dan al-Sharbini berpendirian akad hibah dengan syarat *ruqba* adalah tidak sah. Mereka berhujah Rasulullah SAW mengharuskan *'umra*, namun membatalkan *ruqba* (Ibn Qudamah t.th.; al-Khatib 1994; Ibn Rusd 2012). Justeru, melihat kepada larangan ini, mereka berpendapat syarat *ruqba* adalah berkait dengan suatu kemungkinan yang tidak pasti dan sesuatu pemilikan dengan perkara yang tidak pasti adalah tidak harus (al-Zuhayli 1989).

Kepelbagaian pandangan ini disebabkan oleh unsur *gharar* yang terdapat dalam tempoh masa bagi syarat *ruqba*. Hibah dengan syarat *ruqba* dilihat sebagai satu penangguhan terhadap pemindahan hak milik harta yang dihibah. Malah dengan meletakkan syarat kematian seorang daripada pihak terbabit menyebabkan wujud unsur *gharar* dalam akad. Ini menunjukkan penghibah telah *menta'liqkan* pemberian hibahnya dengan perkara yang tidak pasti (al-Kasani 2003). Menunggu kematian seseorang

juga merupakan pergantungan yang tidak pasti berdasarkan konsep syarat *ruqba* bahawa harta hibah akan diberikan kepada pihak yang masih hidup setelah kematian pihak satu lagi antara pihak yang berakad (Noor Lizza, Mohd Ridzuan & Amir Husin 2012).

## HIBAH DENGAN SYARAT BALASAN

Hibah dengan syarat balasan bermaksud pemberian hak milik harta yang dikaitkan dengan sesuatu gantian atau suatu balasan kesan daripada pemberian tersebut (al-Zuhayli 1989). Ulama bersepakat bahawa hibah dengan syarat balasan adalah sah, namun mereka berselisih pendapat mengenai jenis akad hibah tersebut.

Mazhab Hanafi kecuali Zufar beranggapan permulaan akad hibah dengan syarat balasan adalah sebagai akad hibah dan pada akhirnya dianggap sebagai akad jual beli. Ini bermakna, sebelum berlaku *qaba*, hukum yang terlaksana adalah hukum hibah dan selepas berlakunya *qabd*, akad tersebut dikira sebagai akad jual beli dan terlaksana hukum jual beli ke atas akad tersebut. Syarat balasan yang dikenakan oleh pemberi hibah dianggap sah dan perlu ditunaikan bagi menjadikan akad tersebut berkuat kuasa (al-Zuhayli 1989).

Mazhab Shafi'i, Maliki, Hanbali dan Zufar berpendapat akad hibah dengan syarat balasan adalah sah. Mazhab Maliki beranggapan akad hibah dengan syarat balasan sah, sama ada menyatakan jenis balasan yang perlu ditunaikan atau tidak (Ibn Rusd 1996). Mazhab Shafi'i, Hanbali dan Zufar pula mengesahkan akad hibah jenis ini dengan syarat menyatakan secara jelas bentuk balasan yang disyaratkan kepada penerima hibah (al-Sharbini 1994). Namun akad jenis ini dihukumkan sebagai akad jual beli dan tidak dikira sebagai akad hibah. Justeru, hukum-hukum jual beli seperti hak *shufa'ah*, *khiyar* dan ganti rugi adalah terpakai ke atas hibah dengan syarat balasan ini.

Terdapat beberapa bentuk syarat yang disertakan dalam akad hibah seperti penerima hibah perlu melakukan sesuatu komitmen atau tanggungjawab bagi kepentingan pemberi hibah atau kepentingan waris pemberi hibah atau kepentingan pihak lain seperti yang dipersetujui dalam akad hibah antara pihak yang berakad. Malah sekiranya pemberi hibah mensyaratkan supaya penerima hibah meninggalkan sesuatu perbuatan seperti tidak pergi ke suatu tempat atau tidak *bertasarruf* dengan harta hibah yang diperolehnya, perkara tersebut juga merupakan satu daripada jenis hibah yang disertakan dengan syarat. Syarat yang boleh digunakan dalam akad hibah juga seperti berbentuk melunaskan hutang pemberi hibah.

Penerima hibah hanya perlu melunaskan hutang yang wujud ketika akad hibah berlaku, sekiranya tiada syarat-syarat lain yang dipersetujui antara pemberi hibah dan penerima hibah ketika mensyaratkan perlunasan hutang sebagai balasan kepada hibah.

### KES-KES HIBAH BERSYARAT

Kes-kes hibah bersyarat yang diputuskan oleh Hakim Syarie di Malaysia ialah berpandukan kitab fiqh. Ini disebabkan oleh tiada statut hibah yang boleh dijadikan sebagai rujukan undang-undang. Oleh itu, terdapat kepelbagaian dalam keputusan Hakim Syarie mengenai hibah bersyarat. Bagi melihat amalan hibah bersyarat di Malaysia, beberapa kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah turut dianalisis.

#### HIBAH *RUQBA*

*Qawl jadid* Imam Shafi'i berpendapat akad hibah *ruqba* adalah sah, namun syarat *ruqba* adalah batal. Ini bermakna, pemberian hibah tersebut sah dan dilaksanakan, namun syarat *ruqba* yang diletakkan tidak terpakai dan tertolak. Mazhab Shafi'i merupakan mazhab pegangan utama Malaysia. Oleh itu, pandangan ini menjadi rujukan utama hakim ketika membuat keputusan. Namun begitu, peruntukan mengenai amalan penggunaan mazhab antara negeri adalah berbeza-beza. Kebanyakan negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu, Melaka, Johor dan Perak mengutamakan mazhab Shafi'i sebagai rujukan utama, namun sekiranya pandangan dari mazhab Shafi'i tidak bersesuaian dengan 'uruf, pandangan mazhab lain boleh diaplikasikan. Walau bagaimanapun tidak semua negeri yang menggunakan mazhab Shafi'i sebagai rujukan utama. Hakim Syarie negeri Perlis membuat penghakiman menggunakan al-Qur'an dan al-Sunnah, manakala Pahang dan Wilayah Persekutuan berpandukan mana-mana mazhab Sunni yang disepakati.

Mengikut amalan di Malaysia dalam bidang takaful, hibah *ruqba* harus untuk dilaksanakan dalam borang akaun hibah bagi transaksi yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah untuk akaun yang dipegang oleh orang Islam. Keharusan ini diperolehi melalui keputusan Mesyuarat Suruhanjaya Sekuriti Syariah. Malah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia telah membenarkan hibah ke atas manfaat takaful yang dilihat menyerupai hibah *ruqba*. Ini kerana pemilikan manfaat tersebut boleh dimiliki

setelah peserta manfaat meninggal dunia dan takaful tersebut belum mencapai tempoh matang.

Terdapat kes hibah *ruqba* yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban dengan merujuk fakta kes *Daud b Idris lwn Saiyah bt Said dan 9 yang lain* (05100-044-0178-2010). Encik Daud merupakan pemberi hibah yang ingin mengesahkan memorandum persetujuan hibah yang telah dilafazkan dan ditandatangani oleh pemberi hibah dan semua penerima hibah, iaitu isteri dan lapan orang anaknya pada 1 Februari 2010. Dalam memorandum ini, terdapat satu frasa yang menyatakan pemberian hibah ini akan berlaku sekiranya penerima hibah bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan ini. Antara syarat tersebut ialah syarat keempat, iaitu syarat *ruqba*, harta akan dipindah semula kepada pemberi hibah sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu. Dalam kes ini, mahkamah berpuas hati bahawa pemberi hibah, iaitu defenden yang memohon supaya hibah yang dilakukan beliau adalah sah. Manakala penerima hibah dalam kes ini ialah isteri dan anak-anak pemberi hibah, iaitu Saiyah dan sembilan yang lain. Rukun kedua hibah, iaitu *sighah ijab* dan *qabul* dalam kes ini terkandung dalam dokumen memorandum hibah dan telah dilafazkan di hadapan Tetuan Suriany & Associates. Rukun ketiga, iaitu barang yang dihibahkan turut dipenuhi dalam akad ini, iaitu simpanan dalam bentuk saham Koperasi Permodalan Felda Berhad. Dalam isu hibah *ruqba*, terdapat pandangan yang mengesahkan akad hibah dan mengharuskan syarat *ruqba* seperti pandangan al-Suyuti. Beliau menyatakan hibah dengan syarat *ruqba* adalah harus dengan hujah larangan mengenai syarat *ruqba* seperti yang terdapat dalam hadis-hadis bukanlah larangan yang mutlak. Maksud sebenar larangan tersebut ialah hibah dengan syarat *ruqba* tidak wajar dilakukan bagi menjaga kepentingan pemberi hibah kerana pemberi hibah tetap tidak boleh menarik balik hibah yang telah dilakukan sebagaimana ketetapan dalam kaedah umum (al-Sindi t.th.).

Kesahan hibah dengan syarat *ruqba* juga dapat dilihat dalam kes *Rafizah binti Ab Karim dan Kamar bin Ab Karim dan Empat Defendan yang lain* (10100-044-0478-2011). Hakim Syarie mendapati akad hibah antara pihak-pihak ini dikaitkan dengan kematian satu pihak. Dalam alasan penghakiman kes ini, Mahkamah merujuk keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti edisi kedua halaman 141 yang mengharuskan hibah *ruqba* dalam Pelaksanaan Borang Akaun Hibah untuk transaksi yang melibatkan akaun bersama Tabung Unit Amanah bagi akaun yang dipegang oleh orang Islam. Namun mahkamah

tidak menerangkan konsep pelaksanaan hibah *ruqba* dalam kes ini secara jelas (Nurul Syuhadah & Noor Lizza 2016). Ini berdasarkan pandangan setengah *fuqaha* yang berpandangan hibah yang meletakkan syarat jenis ini dianggap sebagai hibah *ruqba* (Nasrul Hisyam 2011). Hakim memutuskan hibah *ruqba* yang berlaku melalui dokumen pengisytiharan hibah sah dan terpakai.

Hakim Syarie Pahang, Yang Arif Azhari Abdul Rahman berkata penerimaan hibah *ruqba* bagi membolehkan penerima hibah masih mempunyai penguasaan terhadap harta yang dihibahkan sekiranya pemberi hibah tersebut kluatir penerima hibah akan mengabaikan beliau setelah pemberian hak milik harta hibah selesai dilakukan (Nurul Syuhadah & Noor Lizza 2016). Pengaplikasian hibah *ruqba* wajar diaplikasikan dalam perancangan harta di Malaysia sebagaimana penerimaan hibah *ruqba* dalam takaful. Pengaplikasian hibah *ruqba* perlu berpandukan niat pemberi hibah supaya dapat dibezakan dengan akad pinjaman. Ini kerana dalam hibah *ruqba*, pemberi hibah masih mempunyai kuasa ke atas harta yang telah dihibahkan dan penerima hibah belum mendapat milikan ke atas korpus harta secara mutlak sehingga berlaku kematian satu pihak, sama ada pemberi hibah atau penerima hibah (Nasrul Hisyam 2011).

#### HIBAH BERKUAT KUASA SELEPAS KEMATIAN PEMBERI HIBAH

Kes *Rokiah bt Abdul Manap lwn Nurul Izzah bt Hamzah* (05100-044-0322-2015) yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah diputuskan bahawa hibah yang dibuat tersebut sah dan diperintahkan wang simpanan ASB, ASN, Bumiputera Commerce dan Tabung Haji diberikan kepada penerima hibah dengan 1/2 bahagian bagi tiap-tiap harta. Pemberi hibah, iaitu Hamzah Talib telah menghibahkan 1/2 bahagian tiap-tiap harta kepada isteri dan 1/2 bahagian lain kepada anak dan meletakkan syarat bahawa akuan hibah ini berkuat kuasa selepas pemberi hibah meninggal dunia dan hendaklah mengikut hak milik penerima.

Terdapat perbezaan pendapat *fuqaha* ketika menghuraikan hibah yang diletakkan syarat akan berkuat kuasa selepas pemberi hibah meninggal dunia. Al-Bahuti berpandangan hibah yang diletakkan syarat akan berkuatkuasa selepas kematian pemberi hibah menyerupai konsep wasiat. Oleh itu, hibah tersebut akan tertakluk kepada hukum wasiat (al-Bahuti 1982). Terdapat juga sebahagian *fuqaha* yang berpandangan hibah yang disyaratkan akan berkuat kuasa selepas kematian menyerupai hibah ketika *marad mawt*,

malah terdapat yang berpandangan hibah jenis ini dianggap sebagai hibah *ruqba*. Satu pemberian hak milik sesuatu harta kepada orang lain yang berlaku selepas kematiannya merupakan hibah *ruqba* menurut takrif Imam Abu Hanifah dan muridnya, Muhammad ibn al-Hassan (Haydar t.th.).

Dalam kes *Wan Zanariah bt Wan Ahmad lwn Zaidi Bt Endut @ Abdullah* (11200-044-0027-2008), Hakim Syarie mengesahkan hibah yang meletakkan syarat supaya pemberian hibah yang dilakukan berkuat kuasa selepas kematian. Semasa hayat pemberi hibah, harta hibah tersebut akan diuruskan secara bersama oleh pemberi hibah dan penerima hibah seperti memegang, mengurus dan mentadbir harta hibah tersebut. Sekiranya berlaku kematian ke atas pemberi hibah, secara automatik pemberi hibah memberi akujanji membenarkan penerima hibah yang tersebut dengan memindahmilikkan harta hibah tersebut kepada nama penerima hibah berdasarkan syarat dan terma terkandung dalam surat ikatan amanah.

#### PEMBERI HIBAH MASIH BOLEH MENGUNAKAN MANFAAT HARTA HIBAH

Amalan meletakkan syarat bahawa pemberi hibah masih boleh mengambil manfaat dan mempunyai hak ke atas harta tersebut selagi mana hayat pemberi hibah. Syarat ini dilihat seolah-olah menghalang *tasarruf* mutlak penerima hibah ke atas harta hibah. Ini kerana dalam syarat tersebut, pemberi hibah seolah-olah masih memiliki zat harta hibah dan masih boleh menggunakan harta hibah tersebut selagi hayatnya. Di Malaysia, amalan meletakkan syarat bahawa pemberi hibah masih boleh menggunakan manfaat harta yang dihibah boleh dilihat dalam kes *Rozaimi b Awang, Rosnida bt Awang, Mustafa kamal Arifin bt Awang, Rohaya bt Awang dan Cik Rosnaini bt Abdul Hamid lwn Fatimah bt Ishak* (11200-044-0148-2011). Plaintif dalam kes ini membuat pengesahan hibah yang dilakukan oleh Awang bin Muda melalui Surat Pemberian Hibah. Dalam Surat pemberian Hibah tersebut, pemberi hibah, iaitu Awang bin Muda telah membuat pemberian hibah dengan menyertakan beberapa syarat. Penerima hibah bersetuju dengan syarat penghibah semasa hayatnya masih dan terus berkuat kuasa ke atas harta tersebut tanpa gangguan mana-mana waris lain, termasuk penerima hibah.

Amalan meletakkan syarat pemberi hibah masih boleh bertasarruf dengan harta telah diaplikasikan di negara-negara Islam lain. Ini dapat dilihat berdasarkan peruntukan umum undang-undang di negara tersebut (Nasrul Hisyam 2011). Namun begitu, kesahan syarat

ini tertakluk kepada beberapa syarat, iaitu syarat tersebut mesti kerana tujuan yang dibenarkan dan mesti merupakan tempoh yang munasabah. Tujuan yang diberikan tersebut ialah bagi merealisasikan kemaslahatan yang besar, manakala penetapan tempoh sekatan *bertasarruf* adalah mengikut tempoh hidup pemberi hibah. Penilaian terhadap suatu tempoh yang munasabah adalah ditentukan oleh mahkamah.

### KESIMPULAN

Walaupun isu hibah dengan syarat mengundang pelbagai pendapat *fuqaha*, namun secara teorinya, kita tidak terikat dan boleh menerima satu daripada pendapat mereka kerana amalan hibah bukan termasuk dalam perkara berkaitan akidah, sebaliknya satu daripada amalan muamalat yang tidak merosakkan akidah. Perletakan syarat ketika memberi hibah semakin banyak dilakukan oleh masyarakat. Perletakan sebarang syarat yang bebas daripada unsur zalim atau menafikan sebarang tujuan hibah boleh dipakai, termasuk syarat *‘umra* dan *ruqba*. Selain itu, syarat tersebut mesti tidak bercanggah dengan dasar syarak dan bebas daripada unsur haram. Kefahaman mengenai konsep hibah amat penting kepada masyarakat sebagai persediaan ilmu perancangan harta supaya harta yang dimiliki dapat diagihkan secara berkesan dan tidak menindas mana-mana pihak. Hakim Wilayah Persekutuan, iaitu Yang Arif Tuan Nasir Abdul Aziz berpandangan perletakan syarat boleh diterima sebagai *sad al-dhara’i* supaya harta tersebut tidak disalah guna oleh penerima hibah dan sebagai menjaga masalah pemberi hibah.

Melihatkan kepada keadaan semasa, pelaksanaan hibah dengan syarat dilihat lebih *fleksible* untuk dimanifestasikan dalam kes *Eshah bt Abdul Rahman lwn Azuhar b Ismail [1997] 2 JH 219*. Dalam fakta kes ini, plaintif merupakan ibu angkat kepada defendan dan telah memberikan sebidang tanah dengan harapan defendan akan menjaga dan membantu plaintif semasa hayat plaintif. Namun begitu, setelah penukaran hak milik defendan ke atas tanah tersebut, defendan telah mengabaikan kebajikan plaintif. Oleh itu, plaintif menfailkan tuntutan supaya hibah tanah yang telah dilakukan ditarik balik bagi melangsaikan hutang plaintif dan membiayai perbelanjaan plaintif ke Makkah. Namun begitu, hakim mahkamah terpaksa menolak permohonan plaintif kerana pemilikan defendan ke atas tanah tersebut telah sah dari sisi undang-undang dan telah memenuhi rukun dan syarat hibah. Bagi menyelesaikan masalah ini, umat Islam perlu bijak dalam mengaplikasikan

kepelbagaian mekanisme pengurusan harta seperti wasiat, pengishtiharan harta sepencarian dan hibah. Kes ini menunjukkan kepentingan untuk menerima pakai hibah bersyarat supaya hak dan kebajikan pemberi hibah masih dapat dipelihara.

### PENGHARGAAN

Kajian ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi dana Penyelidikan Kajian Hibah Bersyarat dan Hibah Harta Bercagar (PP-2017-004) dan Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2015-024), Universiti Kebangsaan Malaysia.

### RUJUKAN

- al-Bahuti, Mansur ibn Yunus. 1982. *Kashaf al-Qina’ ‘an Matn al-Iqna’*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Bayhaqi, Ahmad ibn al-Husayn. 2003. *al-Sunan al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Isma‘il. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Haydar, ‘Ali. t.th. *Durar al-Hukkam Sharh Majallat al-Ahkam*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad ‘Ali ibn Ahmad ibn Sa‘id. t.th. *al-Muhalla bi al-Athar*. Jil. 8. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram. 2003. *Lisan al-‘Arab*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah, ‘Abd Allah ibn Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Jil. 5. Bayrut: ‘Alim al-Kutub.
- Ibn Rushd, Abu al-Walid Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Rushd al-Andalusi. 2012. *Sharh Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Jil. 4. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Jaziri, ‘Abd Rahman. 2003. *al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba‘ah*. Jil. 3. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Kasani, Abu Bakr ibn Su‘ud. 2003. *Bada’i ‘al-Sana’i ‘fi Tartib al-Shara’i*. Bayrut: Dar al-Ma‘rifah.
- al-Khafif, ‘Ali. 1996. *Ahkam al-Mu‘amalat al-Shar‘iyyah*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- al-Nasa’i, Ahmad ibn Shu‘ayb. 1998. *Sahih Sunan al-Nasa’i*. Riyad: Maktabat al-Ma‘arif.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-Undang Islam: Prinsip dan Amalan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang & Amir Husin Mohd Nor. 2012. Hibah dengan syarat balasan menurut pandangan fuqaha dan kedudukannya dalam Undang-undang Sivil Jordan. *Jurnal Syariah* 20(3): 309-328.
- Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang, Amir Husin Mohd Nor, Mohd Zamro Muda & Abdul Basir Mohamad. 2013. Revocation of gift (hibah) according to Islamic law and its practice under Syria civil law 1949. *International Business Management* 7(1): 1-7.

- Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2016. Keputusan hakim syarie dalam kes-kes pengesahan hibah *ruqba*. *Jurnal of Contemporary Islamic Law* 1(2): 91-102.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad. 2013. Pengurusan harta melalui hibah: Kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari* 5(1): 91-104.
- al-Sharbini, al-Khatib Muhammad. t.th. *Mughni al-Muhtaj*. Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi.
- al-Sindi, Abu al-Hasan Nur al-Din. t.th. *Sunan al-Nasa’i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti wa Hashiyat al-Sindi*. Jil. 5. Bayrut: Dar al-Ma‘rifah.
- Tyabji, K. 1949. *Limited Interest in Muhammadan Law*. London: Steens & Sons Ltd.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jil. 5. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Noor Lizza Mohamed Said  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
lizza@ukm.edu.my
- Mohd Zamro Muda  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
zamro@ukm.edu.my
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad  
Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia  
81300 Skudai  
Johor Darul Takzim  
MALAYSIA  
nasrul@utm.my
- Nurul Syahirah Othman  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Nurulsyahirahothman91@gmail.com